

Abuse - Sex
Abuse
P. 12

Inses: Usaha Dan Undang-Undang Pencegahan

Perlu ada peruntukan undang-undang yang mengenakan hukuman penjara ke atas individu-individu yang mengetahui berlakunya kejadian inses tetapi tidak melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab



Oleh ZABIDI MOHAMED

SALAH satu jenayah tertua di dunia ialah perbuatan inses. Perbuatan ini ditakrifkan sebagai perhubungan jenis di antara seorang lelaki dan perempuan yang diharamkan bernikah oleh adat atau agama. Mengikut Kamus Dewan, perbuatan ini boleh diperincikan kepada sumbang kadim, iaitu inses di kalangan ahli keluarga yang rapat dan sumbang pati iaitu inses dengan saudara (adik beradik) sendiri. Ia dikatakan berlaku di setiap zaman dan hampir dalam setiap masyarakat. Namun bagi maksud artikel ini ia lebih ditujukan kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Di Malaysia, undang-undang yang ada kaitan dengan inses boleh dilihat dari dua sudut pandangan.

Pertama, undang-undang syariah yang melarang semua jenis perhubungan jantina luar nikah. Walau bagaimanapun, dalam enakmen-enakmen negeri inses dirangkumkan sekali dalam pengertian perhubungan jantina luar nikah.

Misalnya Seksyen 10 Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 menyebut: "Mana-mana orang berkelakuan sumbang adalah bersalah atas satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya."

Kedua, dari segi undang-undang jenayah kanun keseksaan ala barat yang secara kasar tidak melihat perhubungan jantina luar nikah sebagai satu perbuatan salah melainkan ia melibatkan paksaan atau sekiranya pasangan perempuan berumur kurang daripada 16 tahun.

Walaupun bagaimanapun undang-undang kanun keseksaan di Malaysia seperti mana enakmen syariah di negeri-negeri juga tidak mengasingkan inses sebagai satu kesalahan jenayah. Sebaliknya kes-

kes inses dilonggokkan ke dalam jenayah rogol, yakni pada Seksyen 376 Kanun Keseksaan. Maka sebab itulah pengetahuan kita mengenai kajian inses setakat ini diketahui sebagai kejadian rogol sahaja.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai hubungan orang yang dituduh merogol dengan mangsa antara 1992 hingga 1994 menunjukkan bahawa daripada jumlah yang dilaporkan itu, bilangan kes rogol yang dapat diertikan sebagai inses adalah 16.8 peratus dalam 1992, 14.1 peratus dalam 1993 dan 20.6



Nafsu liar dua beradik ini tidak mengenal muhrim sendiri. Kiri, Zainal Zamanuddin dan di kanan, Badrul Zamanuddin didapati bersalah melakukan sumbang mahram dengan anak sendiri baru-baru ini.

peratus dalam 1994.

Kajian juga mendedahkan dua perkara utama mengenai inses di negara ini iaitu pertama, pencerobohan utama atau pelaku utama adalah bapa kandung atau bapa tiri atau bapa saudara atau abang ipar atau datuk mangsa sendiri. Kedua, perbuatan ini banyak berlaku di kawasan luar bandar yang kebanyakannya di rumah mangsa sendiri.

Kenapa inses mudah berlaku?

Pertama: Kurangnya didikan agama yang menyeluruh. Majoriti masyarakat tahu hukum-hukum mengenai aurat dengan bukan muhrim tetapi malangnya majoriti juga mengambil sikap endah tidak endah terhadap aurat sesama muhrim; ataupun mereka tidak tahu langsung bahawa sesama muhrim pun ada adab-adab dalam menjaga aurat.

Kedua: Elemen budaya di mana anak

dilatih supaya patuh dan menghormati ibu bapa atau penjaganya. Anak-anak perempuan yang masih mentah tidak cukup bersedia untuk menilai buruk baik perbuatan inses apabila perbuatan itu dilakukan oleh bapanya sendiri. Ini kerana kanak-kanak biasanya tidak dilatih menolak perbuatan tersebut.

Bagaimana inses boleh dicegah?

Pertama, mengadakan peruntukan khas dalam enakmen syariah atau kanun keseksaan mengenai kesalahan dan hukuman ke atas perbuatan inses ini.

Kedua, hukuman penjara dan sebatan mesti disekalikan dalam peruntukan undang-undang tersebut.

Ketiga, perlu ada peruntukan undang-undang yang mengenakan hukuman penjara ke atas individu-individu yang mengetahui berlakunya kejadian inses tetapi tidak melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan kejadian inses itu berlaku secara berulang kali.

Keempat, pendidikan keibu-bapaan di mana masalah aurat dalam rumah antara sesama muhrim diberikan lebih kefahaman kepada masyarakat. Ini boleh dilakukan dalam kurikulum kursus-kursus pra-perkahwinan anjuran Jabatan Agama Negeri yang diwajibkan kepada bakal-bakal pasangan yang hendak berkahwin.

Dalam ajaran Islam para ulama ada memberi garis panduan bagaimana anak-anak perempuan dan lelaki perlu diberikan bilik berasingan atau dipisahkan tempat tidur mereka apabila mencapai umur baligh. Begitu juga anak-anak tidak boleh secara sembarangan masuk ke bilik ibu bapa mereka tanpa terlebih dahulu memberi salam. Semua panduan-panduan ini ada kaitannya dengan aurat sesama muhrim dalam berkeluarga. Masyarakat Melayu perlu difahamkan tentang persoalan 'aurat sesama muhrim' bagi menangani masalah ini. □

** Zabidi Mohamed ialah peguam lulusan Universiti Malaya. Beliau kini merupakan penulis sepenuh masa.*